

09/11/1998

Tindakan segera perlu bantu SKS

TINDAKAN segera diperlukan untuk membantu syarikat kecil dan sederhana (SKS), yang membekalkan sebahagian besar gunatenaga di dalam sesetengah ekonomi Apec.

"Kelangsungan hidup jangka pendek dan kesihatan muktamad jangka panjang SKS sedang diancam," kata Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di dalam Laporan Abac 1998 Kepada Pemimpin Ekonomi.

Pengerusi Abac, Tan Sri Tajudin Ramli memaparkan di dalam laporan itu SKS memainkan fungsi penting di dalam ekonomi anggota tetapi mereka menghadapi keadaan yang menyedihkan di mana beribu-ribu perniagaan kecil telahpun runtuh dan banyak lagi mungkin terancam.

"Di dalam proses itu beribu-ribu pekerja dan anggota keluarga menjadi penganggur. Masalah itu adalah amat serius di dalam sebilangan ekonomi Apec," beliau berkata di dalam laporan yang dibentangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu.

Laporan itu bertema 'Apec Bersungguh-sungguh: Mengembalikan Keyakinan dan Menjana Semula Pertumbuhan' akan juga dibentangkan kepada pemimpin ekonomi yang akan menghadiri Sidang Kemuncak itu yang mana Malaysia menjadi tuan rumah minggu ini.

Tajudin berkata Abac memperakukan dua kategori cadangan iaitu mewujudkan iklim kewangan yang diperlukan bagi menyokong SKS dan menyediakan keadaan guna tenaga dan perniagaan yang perlu bagi SKS untuk berkembang.

Antara inisiatif yang akan mengadakan persekitaran kewangan yang lebih memuaskan termasuk penubuhan institusi kewangan untuk menyokong SKS, pembangunan amalan pemberian pinjaman berasaskan prestasi untuk SKS, peruntukan kredit pada asas samarata dan terbuka, peruntukan pemberian pinjaman mikro, peruntukan dana daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk memberikan pinjaman faedah rendah kepada SKS dan pilihan pengecualian cukai jangka pendek bagi SKS.

Mengenai iklim yang sesuai dan memuaskan bagi gunatenaga dan peluang perniagaan bagi SKS, Tajudin berkata perbadanan besar patut digalakkan menggunakan SKS melalui peraturan kontrak kecil.

"Boleh juga diatur supaya kerajaan dikehendaki menggunakan SKS apabila memberi barangan dan perkhidmatan, dan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur, mengkhaskan tambahan bunga bagi SKS di dalam penilaian projek infrastruktur kerajaan dan memecahkan komponen projek infrastruktur bagi membolehkan peluang lebih besar bagi penyertaan SKS," tambahnya.

Mengenai perdagangan elektronik (E-commerce), Abac percaya bahawa kerajaan patut mengelak menguatkuasakan undang-undang baru apabila undang-undang sedia ada boleh diguna pakai untuk meletakkan rangka kerja yang akan termasuk perlindungan pengguna sebarang sempadan.

Sambil berkata bahawa sektor swasta patut menerajui dalam pembangunan E-Commerce, Tajudin menambah kata kerajaan patut memastikan pembangunan infrastruktur elektronik akan mengadakan akses ekonomi dan sama rata di seluruh rantau ini.

Di dalam perkara ini, perkongsian awam-swasta adalah penting dalam mencapai faedah sepenuhnya E-Commerce terutamanya di mana amanah dan kepercayaan perlu diwujudkan di dalam bidang sistem pembayaran elektronik.

"Satu bidang di dalam mana E-Commerce boleh digalakkan di dalam kerajaan ialah melalui penggunaan maksimum teknologi di dalam operasi kerajaan, seperti pembayaran cukai dan pemerolehan terus melalui komputer.

"Dalam cara yang sama, E-Commerce mengadakan peluang yang lebih besar bagi SKS, menyedari bahawa keperluan untuk program pendidikan dan latihan adalah paling utama," kata Tajudin.

Beliau menyeru kerajaan supaya menangani secara berdepan isu masalah tahun 2000 (Y2K), yang melalui proses globalisasi, telah menjadi masalah yang dihadapi oleh ekonomi anggota lebih kecil dihubungkan secara sistematik kepada ekonomi anggota lebih maju.

"Disebabkan daya saling berkaitan ekonomi global sekarang, meskipun 20 peratus daripada semua sistem tidak mematuhi Y2K, bahaya kepada semua ekonomi Apec adalah besar.

"Pengeluaran akan terjejas teruk dan perkhidmatan penting dan proses perubahan penyelamat nyawa akan terganggu," kata Tajudin, sambil menambah bahawa kos memperbetulkan kejutan dan masalah berkaitan adalah besar.

(END)